

**FAQ PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

PAJSK

S1 **Apakah pendekatan KPM untuk memastikan murid diberi peluang untuk menyertai aktiviti kokurikulum?**

- J1**
- a. Murid sekolah telah diberi kebebasan untuk menyertai gerak kerja kokurikulum di sekolah yang terdiri daripada Pasukan Badan Beruniform, Kelab / Persatuan dan Sukan / Permainan berdasarkan minat mereka.
 - b. Pihak sekolah telah diberi kebebasan untuk menubuhkan Pasukan Badan Beruniform, Kelab / Persatuan dan Sukan / Permainan yang mengikut keperluan murid.
 - c. Bantuan Kokurikulum kepada sekolah-sekolah diberikan berdasarkan bilangan murid iaitu RM10 bagi sekolah menengah dan RM8 bagi sekolah rendah serta Bantuan Sukan untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum dan sukan.
 - d. Bantuan pakaian seragam sebanyak RM100 seorang diberikan kepada murid miskin yang didaftarkan melalui e-Kasih.

S2 Apakah usaha KPM untuk meningkatkan lagi aktiviti kokurikulum di sekolah secara menyeluruh?

- J2
- a. KPM telah memberi latihan dengan lengkap dan sempurna dalam bidang kokurikulum kepada pelatih-pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG). Bakal-bakal guru di universiti tempatan juga diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum sebagai syarat untuk lulus dalam pengajian mereka.
 - b. KPM telah menyediakan pusat-pusat kokurikulum Negeri dan daerah di seluruh negara yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana untuk digunakan oleh murid dan guru. Peruntukan untuk menambah dan membaik pulih prasarana di pusat-pusat kokurikulum ini telah disediakan oleh KPM.
 - c. KPM telah menganjurkan program-program dan pertandingan-pertandingan di pelbagai peringkat seperti daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Murid yang mempunyai bakat serta potensi yang lebih tinggi diberi ruang untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut

S3 Apakah matlamat utama gerak kerja kokurikulum di sekolah?

J3 Kokurikulum ditakrifkan gerak kerja terancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari dalam bilik darjah. Matlamat pelaksanaan aktiviti kokurikulum ialah dalam aspek kemenjadian murid iaitu dari segi disiplin, jati diri, amanah, bertanggungjawab selain menyemai benih perpaduan antara kaum dan integrasi nasional.

S4 Apakah pencapaian minimum dalam aktiviti kokurikulum yang disasarkan oleh pihak KPM?

J4 i. Pencapaian minimum yang disasarkan ialah murid aktif (Gred C dan D; penyertaan dan penglibatan murid dalam aktiviti yang disertai adalah memuaskan) diperingkat sekolah masing-masing. Namun KPM tidak menyekat murid yang mempunyai keistimewaan, bakat dan mampu melangkah lebih jauh hingga keperingkatan atarabangsa dan mengharumkan nama Malaysia di mata dunia seperti dalam bidang sains dan teknologi, kesenian, inovasi, sukan dan sebagainya.

S5 Adakah aplikasi sistem PAJSK ini menambah beban tugas kepada guru?

J5 i. PAJSK merupakan penilaian yang berterusan. Guru kelas hanya perlu menambah dan mengemaskini maklumat penglibatan dan pencapaian murid bagi darjah masing-masing pada tahun semasa sahaja. Segala maklumat asas tentang murid sejak memasuki sekolah berkenaan telah tersimpan dengan selamat dan amat sistematik dalam system berkenaan. Selain itu pihak KPM akan memberi tempoh masa yang panjang (1 bulan setengah) untuk memberi keselesaan kepada guru-guru bagi mengemaskini data-data tersebut.

S6 Adakah setakat ini sistem PAJSK membawa manfaat yang baik kepada KPM, ibu bapa pada pihak-pihak lain?

J6 i. PAJSK merupakan simpanan pangkalan data yang baik yang boleh digunakan oleh guru-guru tidak kira di mana mereka berada dengan membuka aplikasi berkenaan menggunakan id dan password sekolah masing-masing. Selain itu, pihak-pihak yang berkepentingan yang memerlukan maklumat pencapaian murid dalam kokurikulum boleh mengambil maklumat yang tepat dalam system berkenaan. Ibu bapa juga boleh menyemak tahap prestasi dan pencapaian anak-anak mereka melalui slip pelaporan yang boleh dicetakoleh guru-guru kelas.